

29/06/1998

Langkah galak pelancong tinggal lama di ibu kota

KUALA LUMPUR, Ahad - Langkah menganjurkan pelbagai aktiviti pelancongan akan ditingkatkan bagi menggalak pelancong menetap lebih lama di ibu kota.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik, berkata kebanyakan pelancong hanya menjadikan ibu kota sebagai pintu masuk dan jarang tinggal lebih sehari di sini.

Secara purata, setiap pelancong asing menghabiskan hampir enam hari di Malaysia tetapi hampir kesemuanya dihabiskan dengan bersantai di negeri lain walaupun banyak tempat pelancongan di pusat bandar raya.

"Oleh itu, aktiviti meriah berbentuk karnival yang membabitkan orang ramai adalah antara program yang wajar digiatkan," katanya selepas melepaskan peserta Florathon 98, di sini hari ini.

Seramai 800 peserta, termasuk 60 dari luar negara, menyertai acara jalan kaki dengan berpakaian beragam pagi ini yang bermula dari Dataran Merdeka dan menyusuri Jalan Tun Perak sehingga Jalan Parlimen sebelum kembali ke Dataran Merdeka.

Acara tahunan kali kedua bertema 'Aktiviti Sukan dan Santai' itu dianjurkan bersama oleh Persatuan Pelancong Kuala Lumpur (KLTA) serta Vision Four sebagai pembuka tirai bagi Pesta Flora 98 yang akan diadakan di Dataran Merdeka pada 5 hingga 12 Julai depan.

Pesta Flora diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas menyaksikan 'Tournament of Roses Parade' di Pasadena, Amerika Syarikat dan dijadikan acara tahunan sejak 1991.

Pesta Flora tahun ini akan disertai 10 kereta berhias berbanding enam tahun lalu. Bulan Julai dijadikan pilihan kerana kebanyakan pembekal bunga lazimnya mengalami kelebihan bekalan.

(END)